

23 JUL 1998

DAIM-IMF/I

BANTUAN KEWANGAN IMF HANYA UNTUK BANK-BANK ASING, KATA DAIM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin hari ini berkata beliau tidak percaya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mahu membantu Malaysia andainya negara ini memerlukan bantuan kewangan.

"Saya tidak fikir IMF berminat dengan Malaysia. IMF akan pergi ke negara-negara di mana bank-bank asing telah memberikan pinjaman ke negara-negara terbabit.... untuk menyelamatkan bank-bank asing."

"Sama ada di Korea (Selatan), Thailand dan Indonesia, bank-bank asing yang memberikan pinjaman keterlaluan," katanya dalam sesi penerangan sempena penerbitan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini.

Ketiga-tiga negara itu adalah penerima dana yang ditadbir oleh IMF untuk mengeluarkan mereka dari krisis serrantau ini.

Pinjaman-pinjaman di Malaysia terutamanya dari bank-bank tempatan, katanya, dan menambah: "Kenapa IMF harus datang dan membantu bank-bank tempatan kita? Mereka tidak berminat dalam bank-bank tempatan kita."

Apabila ditanya samada beliau percaya bahawa IMF tidak akan datang apabila Malaysia meminta bantuan, Daim menjawab: "Saya amat ragu-ragu. Kecuali jika mereka mahu menyelamatkan bank-bank kita (dan) kita berterima kasih."

Daim berkata beliau tidak menjangkakan risiko sistemik walaupun pinjaman-pinjaman tidak bertebaran rata di antara bank-bank tempatan dan asing.

"Sebab itulah kita kata kita mahu permodalan semula bank-bank secepat mungkin. Sebab itu kita ada Syarikat Pengurusan Aset (Danaharta Nasional Bhd) untuk menghapuskan pinjaman-pinjaman tidak berbayar," katanya.

Sambil menekankan bahawa keadaan mudahtunai yang ketat ini menyesakkan perniagaan-perniagaan, beliau berkata sebaik sahaja bank-bank diberikan permodalan semula dan Danaharta diadakan, bank-bank boleh mula memberikan pinjaman dan menawarkan kadar faedah yang lebih rendah seperti yang telah dibuat pada masa lepas.

Menjawab satu soalan, beliau berkata kunjungan luar negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beliau sendiri adalah untuk memastikan yang pelabur-pelabur asing terus mempunyai keyakinan terhadap negara ini dan bukan untuk mendapatkan wang.

"Sekurang-kurangnya, saya pergi ke Taiwan supaya syarikat-syarikat Taiwan terus melabur di Malaysia," tambahnya.

Beliau juga mendedahkan bahawa dalam pertemuannya dengan Menteri Luar Australia, Alexander Downer, sebelum ini Downer bertanya apakah yang dapat Australia tawarkan.

Daim berkata rakyat Australia boleh membantu melabur di Malaysia dan datang ke Malaysia sebagai pelancong kerana penyusutan nilai ringgit telah menjadikan negara ini sebuah tempat yang lebih murah berbanding kebanyakan negara-negara lain di rantau ini.

-- BERNAMA

AD JR MA